



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2004/2005**

NAMA MATA PELAJARAN : SOSIOLOGI PENDIDIKAN  
KOD MATA PELAJARAN : BBE 2052  
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
TEKNIK DAN VOKASIONAL  
TARIKH PEPERIKSAAN : MAC 2005  
JANGKA MASA : 2 JAM

**ARAHAN :**

1. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN A DALAM BORANG OMR.
2. JAWAB DUA SOALAN SAHAJA DARIPADA BAHAGIAN B DALAM BUKU JAWAPAN.
3. KERTAS SOALAN TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT



**BAHAGIAN A**

- S1 Manakah yang lebih tepat mengenai takrifan sosiologi?
- A Kajian terhadap pola tingkahlaku manusia dalam sesebuah kelompok manusia.
  - B Kajian mengenai cara manusia berfikir untuk membentuk kelompok manusia yang stabil.
  - C Mengkaji struktur organisasi sesebuah kelompok manusia.
  - D Kajian mengenai interaksi manusia yang berlaku secara semula jadi.
- S2 Tujuan penyelidikan dalam bidang sosiologi ialah
- A mengembangkan potensi diri.
  - B mengukuhkan saling hubungan antara ahli-ahli masyarakat.
  - C melahirkan individu-individu yang berketrampilan memimpin.
  - D membimbing masyarakat berfikiran bijaksana.
- S3 Sosiologi pendidikan bersifat sains kerana
- A fenomena alam fizikal telah diuji akan kebenarannya.
  - B fenomena biologi telah diuji semula dan keputusannya adalah sama.
  - C fenomena manusia adalah hasil eksperimen ahli sosiologi.
  - D fenomena tingkah laku manusia merupakan generalisasi yang telah diuji.
- S4 Perkataan sosiologi adalah gabungan antara perkataan sosio dan logi. Yang manakah paling tepat mengenai perkataan sosio?
- A Berasal daripada perkataan Yunani 'socio' yang bermaksud berkongsi.
  - B Berasal daripada perkataan Latin 'socio' yang bermaksud masyarakat.
  - C Berasal daripada perkataan Latin 'socio' yang bermaksud berkongsi.
  - D Berasal daripada perkataan Inggeris 'socio' yang bermaksud sosial.
- S5 Universiti pertama di Malaysia yang memperkenalkan bidang sosiologi ialah
- A Universiti Kebangsaan Malaysia.
  - B Universiti Malaya.
  - C Universiti Sains Malaysia.
  - D Universiti Pertanian Malaysia.



- S6 Tokoh berikut dianggap sebagai bapa sosiologi atau *The father of Sociology*.
- A Herbert Spencer.
  - B Lester F. Ward.
  - C Auguste Comte.
  - D Karl Marx.
- S7 Karyanya yang terkenal ialah *The Sociology of Hinduism and Buddhism*. Beliau juga berminat dalam politik dan menjadi ahli dalam Parti Demokratik Jerman. Tokoh yang dimaksudkan ialah
- A Herbert Spencer.
  - B Max Weber.
  - C Auguste Comte.
  - D Karl Marx.
- S8 Teori ini mempengaruhi sosiologi moden Amerika seperti Talcott Parson dan Robert K. Merton.
- A Teori Fungsionalisme.
  - B Teori Konflik.
  - C Teori Interaksionisme.
  - D Teori Positivisme.
- S9 Siapakah penulis karya *Das Kapital* pada tahun 1867?
- A Herbert Spencer.
  - B Lester F. Ward.
  - C Auguste Comte.
  - D Karl Marx.
- S10 Konsep *Law of Human Progress* yang diperkenalkan oleh Auguste Comte mempunyai tiga peringkat utama. Peringkat-peringkat tersebut disenaraikan di bawah kecuali
- A peringkat keagamaan
  - B peringkat sosial
  - C peringkat metafizik
  - D peringkat saintifik



- S11 Herbert Spencer dalam tahun 1874 telah menghasilkan buku yang berkaitan dengan bidang sosiologi berjudul
- A Positive Philosophy.
  - B Positive Sociology.
  - C Descriptive Sociology.
  - D Descriptive Anthropology.
- S12 Contoh fenomena kehidupan manusia dalam kumpulan adalah seperti berikut
- A adat, resam, tradisi dan nilai.
  - B undang-undang, adat, resam dan tradisi.
  - C peraturan, undang-undang, adat dan resam.
  - D kepercayaan, peraturan, undang-undang dan adat.
- S13 Perspektif fungsionalisme dalam bidang sosiologi diperkenalkan oleh
- A Herbert Spencer dan Emile Durkheim.
  - B Max Weber dan Karl Marx.
  - C Merton dan Dewey.
  - D Mills dan Durkheim.
- S14 Idea utama mengenai masyarakat mengikut perspektif fungsionalisme ialah
- A konflik antara individu melahirkan kesejahteraan.
  - B terdapat persamaan di antara masyarakat dengan organisme.
  - C manusia saling berinteraksi di sepanjang hayat mereka.
  - D pendidikan dapat membentuk kehidupan manusia.
- S15 Pengagihan kuasa dan peluang yang tidak seimbang menyebabkan terjadinya perbezaan kelas. Tokoh penting yang mengeluarkan kenyataan ini ialah
- A Herbert Spencer.
  - B Karl Marx.
  - C Max Weber.
  - D Aguste Comte.



- S16 *Symbolic interactionisme* merujuk kepada cara manusia berinteraksi melalui simbol-simbol tertentu seperti alat, lambang dan bahasa. Ia diperkenalkan oleh
- A George Herbert Mead.
  - B Karl Marx.
  - C Max Weber.
  - D Blumer.
- S17 Senyum kepada kawan, memberi salam kepada pensyarah dan bertanya kepada pensyarah merupakan contoh kepada
- A kawalan sosial.
  - B interaksi sosial.
  - C mobiliti Sosial.
  - D perubahan sosial.
- S18 Contoh paling sesuai mengenai perspektif interaksionisme dalam organisasi pendidikan ialah
- A kekananan guru dihormati.
  - B mematuhi arahan pengetua.
  - C peranan guru disiplin dan guru bimbingan.
  - D peranan ibu bapa terhadap kemajuan pendidikan pelajar.
- S19 Brookover dalam buku *Sociology of Education* mengatakan sosiologi pendidikan ialah
- A kajian organisasi dalam pendidikan.
  - B kajian tentang kumpulan-kumpulan pelajar dalam sistem persekolahan.
  - C kajian saintifik tentang proses dan pola masyarakat dalam sistem pendidikan.
  - D kajian tentang perhubungan pendidikan dengan institusi pendidikan.
- S20 "Orang Cina di Malaysia suka makan nasi tetapi orang Cina di negara Cina suka makan mee". Pernyataan ini merujuk kepada
- A bangsa.
  - B ras.
  - C etnik.
  - D kaum.



- S21 Sosialisasi ialah proses interaksi sosial yang membolehkan manusia memperolehi personaliti dan belajar cara hidup masyarakatnya. Berikut adalah agen sosialisasi kecuali
- A keluarga.
  - B sekolah.
  - C media massa.
  - D guru.
- S22 Peraturan atau panduan yang dikongsi bersama bagi menentukan tingkahlaku yang sesuai di dalam situasi tertentu adalah merujuk kepada
- A nilai.
  - B norma.
  - C mores.
  - D adat.
- S23 Antara faktor-faktor yang menentukan trait sesuatu institusi adalah seperti berikut kecuali
- A simbol interaksi.
  - B simbol kebudayaan.
  - C kod tingkahlaku.
  - D ideologi.
- S24 Pernyataan yang paling tepat mengenai budaya sekolah ialah
- A cara hidup di sekolah yang mengarah kepada pencapaian matlamat rasmi.
  - B cara guru mengajar pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C cara pelajar menerima pelajaran guru.
  - D tugas masyarakat memantau aktiviti sekolah.
- S25 Antara pembolehubah berikut yang tidak mempengaruhi corak organisasi dan kawalan sosial dalam sistem pendidikan formal ialah
- A Pejabat Pendidikan Daerah.
  - B peruntukan kewangan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C persatuan bekas pelajar.
  - D badan-badan profesional.



- S26 Struktur sosial ialah perhubungan-perhubungan yang dirancang antara komponen-komponen asas di dalam sesuatu sistem sosial, komponen tersebut ialah
- A status, masyarakat, institusi dan negara.
  - B masyarakat, peranan, institusi dan negara
  - C status, peranan, kumpulan dan institusi.
  - D komuniti, masyarakat, peranan dan negara
- S27 Proses percantuman dan penyatuan di antara kelompok atau individu dari berlainan kebudayaan supaya menjadi satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama ialah
- A integrasi.
  - B asimilasi.
  - C akomodasi.
  - D akulturasi.
- S28 Berikut merupakan ciri-ciri guru profesional kecuali
- A jujur, ikhlas dan memegang konsep iaitu pekerjaan sebagai satu ibadat.
  - B sentiasa mengekalkan prestasi pengajaran di takuk lama.
  - C sebagai fasilitator, pakar rujuk dan penyelidik yang aktif.
  - D menjadi anggota pertubuhan guru.
- S29 Jenis-jenis perubahan terbahagi kepada dua iaitu tahap mikro dan tahap makro. Tahap makro merujuk kepada
- A sikap individu, tingkah laku individu dan pola interaksi.
  - B keadaan dan tugas yang dimainkan oleh kedudukan sosial.
  - C kepimpinan yang baik dan berjaya yang membolehkan sesebuah kehidupan sosial meningkat.
  - D perubahan sebuah kumpulan besar seperti institusi ekonomi, negara, agama, pendidikan dan juga perkembangan penduduk.
- S30 Mobiliti sosial didefinisikan sebagai perubahan susun lapis seseorang individu dari satu strata ke satu strata yang lain. Berikut merupakan corak-corak mobiliti sosial kecuali
- A mobiliti tandingan.
  - B mobiliti ditaja.
  - C mobiliti mendatar.
  - D mobiliti membaharui.



- S31 Penggunaan pendidikan sebagai alat kawalan sosial lebih berkesan dilakukan dengan
- A meramaikan bilangan pelajar yang menjadi pengawas sekolah.
  - B pengajaran mata pelajaran sosial dan agama di institusi pendidikan.
  - C sentiasa merujuk kepada hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.
  - D penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan.
- S32 Bagi menghasilkan tenaga rakyat yang bermutu untuk pembangunan negara melalui pendidikan, perkara yang paling utama diberikan perhatian ialah
- A tenaga pengajar.
  - B kemudahan prasarana.
  - C kurikulum.
  - D penglibatan ibu bapa.
- S33 Masyarakat di luar bandar perlu dibantu untuk cemerlang dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional kerana faktor
- A pendapatan mereka rendah.
  - B keupayaan mental mereka rendah.
  - C masih kurang kemudahan asas.
  - D sekolah teknik dan vokasional dibina di bandar.
- S34 Aspirasi sesebuah sekolah aliran teknik dan vokasional seharusnya berasaskan kepada
- A cita-cita negara.
  - B cita-cita masyarakat.
  - C cita-cita pentadbiran sekolah.
  - D cita-cita pelajar

S35 Antara matlamat Sekolah Bestari yang paling hampir dengan Falsafah Pendidikan Negara ialah

- A melahirkan masyarakat yang berpandangan jauh dan berpengetahuan dalam teknologi terkini.
- B menambah penyertaan ibu bapa, masyarakat, dan sektor swasta dalam pendidikan.
- C menggalakkan pembinaan diri dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual.
- D memberikan peluang pembelajaran kepada pelajar.

S36 Antara berikut yang manakah menekankan iklim sekolah dari aspek sosiologikal?

- I Taman bunga.
  - II Aktiviti kokurikulum.
  - III Kemudahan prasarana sekolah.
  - IV Sistem peperiksaan yang licin.
  - V Perhimpunan mingguan.
- A I dan II sahaja.
  - B II dan V sahaja.
  - C II, IV dan V sahaja.
  - D I, II, III, IV dan V.

S37 Salah satu daripada langkah yang diambil oleh kerajaan dan pihak swasta dalam bidang pendidikan ialah memberi biasiswa atau pinjaman kepada pelajar-pelajar yang layak. Langkah ini boleh dikaitkan dengan

- I perpaduan kaum atau masyarakat melalui pendidikan
  - II pelaburan dalam pendidikan
  - III dasar pendemokrasian pendidikan
  - IV pendidikan massa
- A I, II dan III sahaja.
  - B II dan III sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.



S38 Kerjaya sebagai seorang guru mungkin menyebabkan seseorang guru itu kurang berinteraksi dengan masyarakat sekitarnya jika

- I guru melibatkan diri di dalam banyak aktiviti ko-kurikulum.
- II guru terlalu mementingkan pencapaian akademik pelajarinya sahaja.
- III guru tidak memahami budaya masyarakat tempatan.
- IV guru terlalu lama berkhidmat di sesebuah sekolah.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S39 Pilih pekerjaan yang tergolong dalam susun lapis pertengahan atasan.

- I Hakim
- II Jurutera
- III Pegawai daerah
- IV Pensyarah universiti

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D II dan IV sahaja

S40 Rupa bentuk sistem pendidikan teknik dan vokasional dalam sistem pendidikan kebangsaan pada hari ini yang dipengaruhi oleh nilai-nilai masyarakat ialah

- I kegigihan guru.
- II pakaian seragam sekolah.
- III jadual belajar di rumah.
- IV makanan yang dijual di kantin.
- V pemilihan kegiatan ko-kurikulum oleh pelajar.

- A I sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III, IV dan V sahaja

(60 MARKAH)

**BAHAGIAN B**

- S1 (a) Jelaskan pengertian patriotisme dan nasionalisme. (10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimanakah peranan kawalan sosial berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia. (10 markah)
- S2 (a) Berikan perbezaan di antara pendidikan tak formal (informal) dan pendidikan bukan formal (non formal) (5 markah)
- (b) Jelaskan bagaimanakah kurikulum tersembunyi telah memberi kesan yang positif kepada pelajar dan sekolah. (15 markah)
- S3 “Sekolah merupakan institusi yang berbentuk formal di mana ia boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap murid-murid bagi melahirkan generasi seimbang baik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek”.
- Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan aspek-aspek yang perlu diambilkira untuk menjadikan sekolah formal di Malaysia lebih berkesan. (20 markah)
- S4 “Iklim organisasi di sesebuah sekolah bergantung kepada hubungan guru dan guru besar. Menurut Haplin dan Croft (1963), terdapat enam jenis iklim organisasi sekolah yang lahir daripada interaksi tersebut”.
- Senaraikan enam jenis iklim tersebut dan huraikan dengan jelas tiga daripada jenis yang telah dinyatakan. (20 markah)